

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

SEMPENA

**'TAKLIMAT KEPADA WAKIL JABATAN BAGI
LEMBAGA TEMU DUGA PEGAWAI PENDIDIKAN
PENGAJIAN TINGGI'**

PADA

**28 MEI 2019 (SELASA)
11.50 PAGI**

BERTEMPAT DI

**BILIK SERBAGUNA JPPKK, ARAS 5
GALERIA PJH, PUTRAJAYA**

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Haji Mohlis bin Jaafar
Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Dr. Mohammad Naim bin Yaakub
Timbalan Ketua Pengarah Perancangan
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Yang Berusaha Puan Zainab binti Ahmad
Pengarah Kanan Akademik
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Yang Berusaha Dr. Mohd Rashahidi @ Rusdi Bin Mohamood
Pengarah Kanan Kompetensi
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Yang Berusaha Encik Mohamad Fahmi bin Mohd Latib
Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengambilan Bukan Guru
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Seterusnya

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamualaikum, Selamat Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, pada hari yang berbahagia ini, kita dapat sama-sama berkumpul dan bertemu dalam Program Taklimat kepada Wakil Jabatan Bagi Lembaga Temu Duga Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT). Saya difahamkan bahawa taklimat kepada Wakil Jabatan ini telah berlangsung sejak jam 10 pagi tadi dan telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris, Setiausaha SPP. YBhg Dato Hj Mohlis, Ahli Suruhanjaya pun turut serta berkongsi pengalaman beliau sebagai Pengerusi Panel Temu duga setelah berkhidmat lebih daripada dua tahun setengah. Saya berharap sesi berkenaan sedikit sebanyak dapat memberi gambaran kepada wakil Jabatan dalam persiapan bagi menjalankan urusan temu duga supaya mengikut garis panduan yang ditetapkan. Moga melalui program ini tujuan Suruhanjaya mengurangkan komplek Ahli Suruhanjaya mengenai persediaan/ prestasi Wakil Jabatan semasa sesi temu duga.

2. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan/ puan yang terpilih bagi mewakili Ketua Jabatan dalam Panel Temu duga urusan pengambilan Pegawai

Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) atau lazimnya digunakan Pensyarah Politeknik/ Kolej Komuniti. Pemilihan tuan/puan setelah Suruhanjaya berpuas hati bahawa tuan/puan melepasi kriteria yang ditetapkan sebelum dilantik sebagai Wakil Jabatan. Insyallah sebentar lagi tuan/puan akan menerima Watikah Pelantikan daripada SPP. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) kerana sudi bekerjasama SPP bagi mengadakan program taklimat ini yang boleh menjadikan sebagai satu platform pertemuan dan perbincangan berhubung isu-isu temu duga dan pengambilan jawatan Pensyarah Politeknik/ Kolej Komuniti. Di pihak SPP, inisiatif mengadakan program ini telah lama dirancang, dan akhirnya ianya menjadi realiti apabila adanya urusan pengambilan Pensyarah Politeknik/ Kolej Komuniti. Tuan/puan merupakan Wakil Jabatan julung kali akan menerima Watikah Pelantikan daripada Suruhanjaya sepertimana ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Saya juga mendapati penganjuran taklimat seperti ini juga dilihat dapat memberi peluang kepada wakil Jabatan bagi mengutarakan soalan mahupun mendengar penjelasan akan proses pengambilan PPPT bagi gred DH29, DH41 mahupun gred-gred lateral entry.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya difahamkan, Wakil Jabatan yang dilantik adalah terdiri daripada Pensyarah Politeknik/ Kolej Komuniti Gred 48 dan ke atas yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang yang ditawarkan. Penglibatan wakil Jabatan bersama pengerusi dalam sesuatu urusan temuduga merupakan satu amanah yang perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab. Tugas wakil Jabatan perlu dilaksanakan secara profesional, jujur, ikhlas tanpa sebarang penyelewengan, berat sebelah dan tanpa ada unsur kepentingan diri. Sehubungan itu, lantikan 98 orang wakil Jabatan ini yang upacara penyampaian watakah sebentar lagi perlulah digalas sehabis baik dalam usaha kita menentukan Pensyarah Politeknik/ Kolej Komuniti yang akan dilantik nanti mereka yang terbaik. Baik buruknya modal insan yang berada di Politeknik/ Kolej Komuniti pada akan datang sedikit sebanyak adalah hasil daripada perakuan tuan/ puan selaku Wakil Jabatan dalam urusan temu duga yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

4. Walaupun telah disentuh Datuk Setiausaha SPP semasa taklimat sebelum ini, saya juga mengambil kesempatan sekali memperkenalkan serba sedikit mengenai SPP yang merupakan Pihak Berkuasa Melantik kepada Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang pada masa ini berjumlah

lebih daripada 400 ribu. SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 atas syor Laporan Suruhanjaya Diraja Aziz mengikut Fasal 1 Perkara 141A, Perlembagaan Persekutuan yang berfungsi dalam urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat Ketua Pengarah Perkhidmatan Pelajaran dan kawalan tatatertib. SPP yang terletak terus di bawah YAB Perdana Menteri dan bertanggungjawab ke atas Jabatan Perdana Menteri dapat saya simpulkan satu-satu agensi yang mempunyai kuasa *Hire and Fire* bagi APP

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Temu duga yang dijalankan bertujuan menilai potensi dan kompetensi calon merangkumi aspek-aspek yang akan dinilai oleh Pengerusi Lembaga Temu Duga dan wakil Jabatan. Permarkahan hasil daripada sesi temu duga dilaksanakan sepenuhnya secara dalaman oleh SPP dimana markah yang diberi oleh pengerusi mahupun tuan/puan selaku Ketua Jabatan akan dimasukkan dalam sistem dan ianya bertaraf sulit. Oleh itu, bagi mengelakkan ketirisan data dan keputusan wakil-wakil Jabatan hendaklah memastikan segala maklumat ini dipelihara dengan baik supaya tidak terlepas kepada pihak-pihak lain yang berkaitan dan tidak berlaku kebocoran maklumat.

6. Saya telah dimaklumkan bahawa urusan temu duga fasa kedua bagi pengambilan PPPT akan bermula bulan Julai 2019. Untuk rekod urusan temu duga fasa pertama telah dijalankan bermula bulan Februari lalu dan berakhir pada 9 Mei 2019. Pengambilan PPPT fasa dua (2) akan bermula dengan negeri Sarawak pada penghujung bulan Jun 2019 diikuti bagi negeri Sabah pada minggu kedua bulan Julai 2019 dan akhir sekali bagi negeri-negeri di Semenanjung pada penghujung Julai 2019 dengan melibatkan perancangan pengambilan sebanyak 25 pegawai bagi Gred DH29, 469 pegawai bagi gred DH41 dan 13 pegawai bagi Gred DH47 yang mana tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) merakamkan ribuan terima kasih kepada semua individu yang dilantik di atas kesudian menjadi Wakil Jabatan kepada panel temu duga dan di atas kerjasama serta sokongan yang diberikan bagi menjayakan urusan temu duga yang bakal berlangsung nanti. Sentiasalah bersikap profesional semasa mengendalikan sesi temu duga dan sentiasalah menjaga nama baik Jabatan dan imej SPP. Perlu diingatkan sekali lagi wakil Jabatan adalah

dilarang mengeluarkan soalan yang tidak relevan, isu-isu berkaitan kaum/agama yang sensitif dan soalan-soalan yang mungkin menyentuh peribadi seseorang yang boleh menimbulkan rasa tidak selesa kepada calon. Suruhanjaya sebaik mungkin ingin mengelakkan calon membuat aduan kepada Biro Pengaduan Awam berhubung sikap panel temu duga yang pernah dialami Suruhanjaya Perkhidmatan Awam baharu-baharu ini.

8. Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berusaha Dr. Mohammad Naim bin Yaakub, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan semua warga Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang terlibat dalam pelaksanaan Taklimat kepada Wakil Jabatan Bagi Lembaga Temu Duga Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi ini khususnya dalam penyediaan senarai nama wakil-wakil Jabatan. SPP juga berterima kasih atas persetujuan JPPKK untuk menanggung kos bagi sesi temu duga yang melibatkan sesi amali dan praktikal. Semoga kerjasama strategik ini akan berterusan pada masa-masa akan datang.

9. Sebelum saya menamatkan ucapan, maka dengan dengan lafaz bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini menutup Taklimat Kepada Wakil Jabatan Bagi Lembaga Temu

Duga Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Tahun 2019.

Sekian, terima kasih.